

## i-Miliki galak pemilikan rumah

Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN  
15 Julai 2022, 6:07 pm



ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) diiringi Reezal Merican Naina Merican (dua kiri) ketika Majlis Perasmian Program Pemilikan Perumahan dan Karnival Jom Beli Rumah di Pusat Pameran Midvalley (MVEC), Kuala Lumpur. - UTUSAN/AMIR KHALID

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperkenalkan inisiatif pemilikan perumahan Keluarga Malaysia (i-Miliki) melibatkan pemberian insentif pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah pertama mengikut kadar harga rumah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, langkah itu diambil sebagai satu usaha mendokong Program Pemilikan Kediaman (HOPE) selaras dengan gagasan 'Satu Keluarga Satu Rumah'.

Katanya, ini kerana HOPE bukan sahaja membantu mempromosi perumahan untuk segenap lapisan masyarakat, tetapi bagi melihat ekosistem sektor perumahan secara holistik.

"Bagi rumah berharga RM500,000 dan ke bawah, insentif pengecualian duti setem adalah sebanyak 100 peratus. Bagi rumah berharga melebihi RM500,000 sehingga RM1 juta, insentif pengecualian sebanyak 50 peratus.

"Pengecualian itu adalah bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh mulai 1 Jun 2022 sehingga Disember 2023," katanya ketika berucap merasmikan HOPE dan Karnival Jom Beli Rumah di sini, hari ini.

Menurut Ismail Sabri, pemberian pengecualian itu juga adalah antara usaha yang dilakukan kerajaan dalam memudahkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat.

Beliau berkata, insentif berkenaan yang mula diperkenalkan sejak Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang dimulakan pada 2019 hingga 2021, masih diteruskan bagi pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500,000 sehingga 31 Disember 2025.

"Meskipun pengecualian duti setem ini akan mengurangkan kutipan hasil kepada negara, namun saya ingin menegaskan bahawa tindakan tersebut adalah komitmen kita kepada Keluarga Malaysia dan kerajaan harus memperkukuhkannya.

"Untuk rekod, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memaklumkan bahawa tuntutan pengecualian duti setem di bawah HOC adalah sebanyak RM957.8 juta. Malah, tuntutan pengecualian duti setem paling tinggi adalah bagi harga rumah RM500,000 dan ke bawah," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, HOPE merupakan satu keazaman kementerian dalam mengangkat agenda memperjuangkan pemilikan rumah terutama rumah mampu milik buat rakyat di negara ini.

Katanya, ini kerana HOPE menjadi jendela baharu dalam memudah cara terutama kepada kumpulan sasaran golongan B40, M40 serta anak muda.

"Suka untuk saya berkongsi bahawa 368,000 unit rumah diletakkan sebagai komitmen dari pelbagai pihak dengan sebahagiannya sedang dibina dan selebihnya dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

"Insya-Allah kementerian juga komited untuk meningkatkan bekalan Rumah Mampu Milik (RMM) sebanyak 500,000 unit rumah menjelang tahun 2025," jelasnya.

Beliau menambah, kementeriannya juga sedang membangunkan pemetaan Indeks Harga Rumah Mampu Milik bagi setiap lokaliti di seluruh negara.

Katanya, ia sebagai panduan kepada pemaju, bakal pembeli serta pihak berkuasa tempatan dalam penentuan harga rumah mampu milik yang sewajarnya di sesuatu kawasan atau lokaliti.

Karnival Jom Beli Rumah yang bermula hari ini tidak akan terhenti di ibu negara sahaja, malah bakal menemui segenap lapisan Keluarga Malaysia di Utara, Pantai Timur, Selatan membawa sehingga ke Wilayah Sabah dan Sarawak.

Siri Jelajah Karnival Jom Beli Rumah itu juga bakal membawa bersama stok lebih 130,000 rumah mampu milik dari seluruh negara.

Karnival itu juga turut membawa tawaran istimewa termasuklah sekurang-kurangnya 10 peratus diskaun tambahan, pengurangan atau bayaran guaman percuma, kemudahan bayaran 10 peratus deposit secara ansuran serta banyak lagi insentif menarik oleh para pemaju. – UTUSAN